

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN  
HAJI MOHAMAD [ LIPIS ]**

**TARIKH : 28.5.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memberi wang bantuan sama ada dalam bentuk biasiswa ataupun pinjaman Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Negara (PTPTN) atau yang seumpamanya kepada pelajar Diploma di Kolej Vokasional seperti bantuan yang diterima oleh pelajar yang dapat melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Institusi kemahiran yang lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kos pengajian pelajar Diploma Kolej Vokasional diberi subsidi sepenuhnya oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, pelajar tidak perlu memohon pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil kira isu bebanan kewangan bentuk bantuan serta pembiayaan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada pelajar KV adalah pembiayaan biasiswa dan lain-lain

bentuk bantuan yang ditetapkan seperti yang dinikmati oleh murid-murid di sekolah menengah, kelas prauniversiti (Tingkatan 6) dan murid Kolej Matrikulasi. Murid Kolej Vokasional yang menuntut di Tahun 1 dan Tahun 2 menerima biasiswa seperti Biasiswa Kecil Persekutuan dan Biasiswa Kecil Negeri berdasarkan syarat kelayakan sedia ada.

KPM juga sedang menimbang bentuk pembiayaan dan insentif lain kepada semua murid di peringkat pengajian diploma iaitu di Tahun 3 dan Tahun 4 di Kolej Vokasional KPM dan Program Kolej Vokasional di Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) sebagai bantuan untuk mengurangkan beban yang perlu ditanggung oleh keluarga mereka. Adalah dianggarkan seramai 105,200 orang murid Kolej Vokasional akan mendapat manfaat apabila kesemua Kolej Vokasional KPM dan Program Kolej Vokasional di ILKA beroperasi sepenuhnya menjelang tahun 2020. Walau bagaimanapun, cadangan pembiayaan ini tidak melibatkan murid Tahun 1 dan Tahun 2 kerana sejumlah besar murid tinggal di asrama dan semua kemudahan disediakan serta ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.

60,000 km persegi dalam kawasan pencarian sedia ada. Ini akan menjadikan keseluruhan kawasan pencarian utama menjadi 120,000 km persegi.

Untuk makluman Yang Berhormat, siasatan jenayah sedang dikendalikan oleh negara masing-masing seperti Malaysia, Australia, Ukraine dan Netherlands. *Joint Investigation Team* (JIT) yang diterajui oleh Netherlands dan dianggotai oleh Malaysia, Ukraine, Australia dan Belgium diwujudkan untuk melicinkan kerjasama antara Negara-negara berkepentingan.

Walau bagaimanapun, siasatan masih lagi dijalankan untuk mencari punca sebenar kemalangan pesawat malang ini dan menentukan penjenayah sebenar.